

Arkib Maklumbalas Pengguna (Suara Anda)

Senarai cadangan yang dipaparkan ini adalah cadangan orang awam yang telah dikemukakan melalui Borang Maklumbalas di Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap cadangan yang telah diambil tindakan akan dipaparkan di ruangan ini. Terima kasih di atas sokongan anda.

Maklumbalas Bagi Januari 2017			
Bil.	Penghantar	Maklumbalas	Jawapan
1.	Shukri Mohamad 31/1/2017	<p>Assalamu'alaikum</p> <p>Saya menyertai satu kumpulan muzik dan semasa latihan saya telah menyanyikan sebaris lirik sebuah lagu 60'an yang berbunyi "isteri lah ku ceraikan lah, menangis ditengahari...menyesal tiada berguna...". Adakah ini membawa kepada jatuh talak ke atas isteri saya. Semasa menyanyi tersebut isteri tiada bersama dan saya tiada niat langsung untuk menceraikannya. Selepas daripada kejadian itu saya telah menjalani kehidupan rumahtangga bersama isteri saya seperti biasa.</p> <p>Mohon pencerahan.</p>	<p>Wa'alaikumussalam w.b.t.. Terima kasih atas soalan yang dikemukakan.</p> <p>Untuk makluman tuan, nyanyian lirik tersebut membawa kepada jatuh talak ke atas isteri. Ini kerana lirik tersebut adalah lafaz talak yang sorih/nyata (tidak mengandungi makna yang lain) yang tidak perlu kepada niat untuk menceraikan. Hanya lafaz yang kinayah (mangandungi lebih dari 1 makna) sahaja perlu kepada niat untuk dikira sebagai jatuh talak tersebut.</p> <p>Saya juga difahamkan bahawa lagu tersebut pernah diharamkan oleh RTM suatu ketika dahulu atas saranan mufti, kerana boleh menyebabkan jatuh talak ke atas isteri orang yang menyanyikannya.</p> <p>Sekian, wallahu a'lam.</p>